

Kehadiran Malaysia di Sidang Kemuncak Bumi satu kejayaan besar — Mahathir

RIO DE JANEIRO 15 Jun — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan kehadiran Malaysia di Sidang Kemuncak Bumi selama 12 hari di sini yang berakhir semalam sebagai satu kejayaan besar.

Katanya, Malaysia telah memainkan peranan yang penting dan besar dalam menentukan ketetapan-ketetapan yang dibuat pada Persidangan Alam Sekitar dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCED) ini.

"Kita telah berjaya mempertahankan pendirian kita dalam persidangan ini, di samping membantu menyuarakan kepentingan negara-negara membangun," jelasnya di sini semalam sebelum berlepas pulang malam tadi.

Mengenai hasil persidangan 12 hari UNCED, Perdana Menteri menjelaskan bahawa beliau tidak meletakkan harapan



menggunung terhadap Sidang Kemuncak Bumi itu.

"Hakikat bahawa lebih 100 ketua negara dan kerajaan telah menandatangani ketetapan-ketetapan di Rio dan bersetuju untuk berbuat sesuatu menunjukkan, ia satu kejayaan," jelasnya.

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Law Hieng mengucapkan tahniah kepada semua pegawai Malaysia yang terlibat dalam Sidang Kemuncak Bumi

ini kerana telah bertugas dengan baik sekali.

"Ketekunan serta kecekapan mereka bukan sahaja menjamin kepentingan negara, tetapi telah juga mengharumkan nama dan imej negara di pentas antarabangsa," ujar beliau.

Menurut Law, peranan Malaysia di dalam politik antarabangsa sudah mula diakui dan diiktiraf oleh banyak negara.

Katanya, Malaysia telah terlibat sejak dari mula lagi dan memainkan peranan cergas dalam Deklarasi Rio mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan, Agenda Pembangunan Berterusan untuk Abad Ke-21 (Agenda 21) dan Kenyataan Prinsip-Prinsip tentang Perhutanan.

"Semua ini membuktikan bahawa Malaysia telah mencapai satu kejayaan yang besar dalam Sidang Kemuncak Bumi di Rio ini," tegas Law.

- Utusan.